

UMS lakar nama di Sipa 2011 Indonesia

UB 13/7/2011 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi melakar nama di persada antarabangsa apabila kerjasama antara Sekolah Pengajian Seni (SPS) UMS dan Kelab Lentera Tari Kolej Kediaman E UMS dijemput untuk membuat persembahan sempena Pertunjukan Seni Antarabangsa Solo (Sipa) 2011 di Istana Mangkunegaran Surakarta Solo, Indonesia.

Pengarah Program, Grazeilla Genevie George berkata, melalui penyertaan itu, delegasi UMS bukan sahaja mempersembahkan seni tari dan muzik kreatif Sabah, tetapi dalam masa yang sama turut



GRAZEILLA

mempamerkan budaya serta adat melalui busana yang dipakai semasa persembahan di pentas antarabangsa sekaligus membawa nama universiti dan negara.



DELEGASI MALAYSIA.. Para penari dan pemuzik yang mewakili Malaysia merakamkan kenangan bersama Maskot Sipa, GPH Paundrakarna (depan tiga kanan).

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 1 hingga 3 Julai itu melibatkan lima orang penari dari SPS dan lima orang penari dari Kelab Lentera Tari.

Selain itu, delegasi Malaysia turut dibantu oleh empat orang pemuzik dari Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) dan karya tari yang dihasilkan di bawah pimpinan koreografer, Sri Ningsih Sukirman yang juga pensyarah SPS bersama Jurulatih Kelab Lentera Tari, Mosimar Abu Bakar.

Pelajar UMS yang mewakili Malaysia termasuklah Mohd. Azli Fikri Ahmad, Ridzuan Lias, Asrulnizam Yassin, Nurul Ain Mohd Noor Zulkifli, Grazeilla Genevie George, Redzahuddin Duman, Faiznur Ailena Abd. Rahman, Constance Geoffrey, Eysta Ashella Saibon, dan Lizie S. Gintoron.

Muzik yang digunakan sewaktu persembahan adalah secara 'live music' yang dimainkan oleh Mac Arnold Calvin Pidus dari UMS, dan empat orang pemuzik dari LKNS iaitu Muhammad Hazrul Ain Rabul, Mazri Ismail, Rajwin Juni dan Mohd. Fayesul Bahrie Mohd Shamsul.

Menurutnya, jemputan kali ini adalah sebagai penghargaan daripada pihak penganjur kerana persembahan yang amat memberangsangkan dan mendapat sambutan yang hangat oleh masyarakat Solo tahun lalu.

"Sipa adalah festival kesenian antarabangsa yang dianjurkan setiap tahun di Surakarta Solo, Jawa Tengah Indonesia, sebagai simbolik ekspresi dan interaksi budaya secara global serta memberi pendedahan kepada penggiat-penggiat seni dalam eksplorasi berkarya.

"Ia juga bertujuan untuk mengadakan jalinan akademik dan bukan akademik dengan penggiat-penggiat seni peringkat antarabangsa dari seluruh dunia selain menambah pengetahuan dalam kepelbagaian cabang seni," jelasnya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

(Gambar kiri) **HEBAT...** Kumpulan tarian UMS ketika mempersembahkan tarian 'topeng'.

(Gambar kanan) **UNIK...** Wajah yang ditutupi topeng menunjukkan lagi keunikan dan kesenian dalam tarian 'topeng'.

Grazeilla berkata, program seumpama itu dapat melahirkan semangat kesatuan dari kalangan seniman dan seluruh penggiat seni sekaligus memberi pendidikan kepada masyarakat luar tentang kekuatan dunia seni pertunjukan.

Jelasnya, 'topeng' adalah tema yang dipilih tahun ini iaitu 'Bayangkan segala kehidupan yang ada di sebalik seni topeng. Tentang daya hidup keseniannya,

tentang beragam kultur dari masyarakat pendukungnya'.

"Sebanyak tujuh buah negara yang menyertai Sipa kali ini termasuklah Korea, Amerika Syarikat, Romania, India, Malaysia, Belanda, dan Mexico.

"Selain itu, turut serta sembilan buah negeri sekitar Indonesia iaitu Yogyakarta, Makasar, Pontianak, Jakarta, Medan, Bali, Bandung, Cirebon, dan Solo selaku tuan rumah," katanya.



KENANGAN...Sebahagian penari turut berkesempatan beramah mesra dengan peserta dari negara lain.

